



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

# SIKAP TERHADAP PELAJARAN DALAM KALANGAN MURID BERSTATUS SOSIOEKONOMI RENDAH DI SEBUAH SEKOLAH PEDALAMAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

IZANI MAHAYUDIN BIN ABD AZIZ

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
2012



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**SIKAP TERHADAP PELAJARAN DALAM KALANGAN  
MURID BERSTATUS SOSIOEKONOMI RENDAH  
DI SEBUAH SEKOLAH  
PEDALAMAN**

**IZANI MAHAYUDIN BIN ABD AZIZ**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI  
SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH  
SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
2012**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi  
ii

## PENGAKUAN

Saya mengaku tesis ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

22.10.2012

IZANI MAHAYUDIN BIN ABD AZIZ  
M20092001040



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## PENGHARGAAN

Segala puji bagi Yang Maha Pencipta lagi Maha Mengetahui, Tuhan yang mentadbir dan mendidik seluruh jagat raya. Kesejahteraan, keselamatan dan keberkatan dipohon buat junjungan muslimin, penghulu para rasul, Syaidina Muhammad SAW. Semoga hidup ini diberkati Yang Maha Pengasih dan ditetapkan iman. Mudah-mudahan tesis ini diterima sebagai satu amal soleh di dalam usaha menyambung perjuangan sarjana-sarjana muslim yang terdahulu dan membina semula keagungan tamadun ilmu ummat Islam.

Di sini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan penghormatan serta jutaan terima kasih buat penyelia saya Dr. Ikhsan bin Othman di atas bimbingan yang telah diberikan kepada saya sepanjang masa saya berada di bawah penyeliaan beliau. Terima kasih juga ditujukan buat Prof. Dr. Othman bin Lebar, Prof. Madya Dr. Amir Hasan bin Dawi dan Dr. Abdul Talib bin Mohamed Hashim kerana telah memberikan pandangan dan ulasan yang banyak membantu saya di dalam kajian dan penulisan tesis. Saya juga mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada warga pendidik sekolah pedalaman di Kuala Lipis Pahang yang banyak membantu saya mengumpulkan data untuk penyelidikan ini. Khusus ucapan terima kasih ini ditujukan buat warga pendidik dan kakitangan Sekolah Kebangsaan Aur Gading yang merupakan latar dan lokasi utama kajian ini berjalan. Bantuan ikhlas yang dihulurkan kepada saya semasa saya menjalankan kajian amat saya hargai dan mudah-mudahan ganjaran yang banyak diberikan Allah kepada mereka yang membantu.

Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada bapa dan adik beradik saya yang banyak memberikan dorongan dan kata-kata semangat kepada saya agar meneruskan cita-cita murni untuk menyiapkan tesis ini. Semoga mereka dilindungi Allah daripada segala bahaya, dipanjangkan umur dan dianugerahkan kesihatan yang berpanjangan.

Izani Mahayudin bin Abd Aziz,  
Program Sarjana Pendidikan (Sosiologi Pendidikan),  
Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia,  
Universiti Pendidikan Sultan Idris,  
Tanjong Malim, Perak.





## ABSTRAK

Status sosioekonomi atau SSE merujuk kepada pengelasan manusia berdasarkan kedudukan ekonomi mereka, taraf pendidikan mereka dan ciri-ciri pekerjaan mereka. Kanak-kanak miskin sentiasa menghadapi masalah di rumah dan di sekolah. Masalah tersebut mengganggu pembelajaran mereka. Satu kajian telah dijalankan untuk mengkaji sikap terhadap pelajaran dalam kalangan murid-murid SSE rendah. Objektif kajian adalah untuk mengkaji tingkah laku murid-murid SSE rendah semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran, serta jangkaan murid-murid, guru-guru dan ibu bapa terhadap pembelajaran murid-murid SSE rendah. Peserta terdiri daripada sepuluh orang murid SSE rendah, empat orang penjaga, dan empat orang guru daripada Kampung Aur Gading, Kuala Lipis. Kaedah persampelan yang digunakan ialah kaedah persampelan bebola salji. Reka bentuk kajian ialah kajian kes kualitatif. Data-data dikumpulkan menerusi tiga kaedah pengumpulan data kualitatif tradisional. Tiga kaedah tersebut ialah temu bual, pemerhatian, dan analisis dokumen. Dapatkan menunjukkan masyarakat pedalaman hidup dalam keadaan miskin. Murid-murid SSE rendah menunjukkan masalah sikap terhadap pelajaran. Murid-murid SSE rendah menunjukkan masalah sikap terhadap pelajaran sekiranya murid-murid SSE rendah tiada semangat patriotik, tiada sumber kewangan daripada keluarga, memiliki ibu bapa yang sibuk, dan tidak mendapat perhatian ibu bapa. Apabila ibu bapa mengabaikan pendidikan anak-anak, anak-anak tidak dapat mencapai kejayaan dalam pelajaran dan kesannya sikap terhadap pelajaran menjadi bertambah teruk.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
V

## **ATTITUDE TOWARDS EDUCATION AMONG LOW SOCIOECONOMIC STATUS PUPILS IN AN ISOLATED SCHOOL DEEP IN COUNTRYSIDE**

### **ABSTRACT**

Socioeconomic status or SES refers to the categorization of people according to their economic, educational and occupational characteristics. Children in poverty often face problems at home and at school. The problems may compromise their learning. A research was conducted to study low-SES pupils' attitude to education and lesson. The objectives were to study behaviour of low-SES pupils during teaching and learning activities, and the expectation of pupils, parents, and teachers towards low-SES pupils' learning. Participants comprised ten low-SES pupils, four parents, and four teachers from Kampung Aur Gading, Kuala Lipis. Sampling method was 'snowball'. The research design was qualitative case study. The data was collected through three traditional methods of qualitative data collection. The three methods were interview, observation, and analysis of documents. Finding showed that rural society lived in serious poverty conditions. Low-SES pupils showed negative attitude to education and lesson. Low-SES pupils had problems with their attitude towards education if they had no patriotism, no pocket money to spend at school, had busy parents, and did not have their parents' love and attention. When parents neglected their children's education, the children couldn't succeed in education and their attitude towards education would become worse.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
V

05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
V



## KANDUNGAN

Muka Surat	Muka Surat
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	x
LAMBANG DAN SINGKATAN	xi



BAB 1	BAB 1
<b>PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang kajian	4
1.3 Masalah kajian	6
1.4 Tujuan kajian	8
1.5 Soalan kajian	9
1.6 Kepentingan kajian	10
1.7 Limitasi kajian	12
1.8 Definisi operasi	13
1.8.1 Murid-murid SSE rendah	13
1.8.2 Sekolah rendah pedalaman	14
1.8.3 Sikap terhadap pelajaran	15
1.8.4 Tingkah laku semasa proses pengajaran dan pembelajaran	16





1.8.5 Jangkaan terhadap proses pengajaran dan pembelajaran	17
1.9 Rumusan	18

## BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	20
2.2 Teori sosialisasi dan reproduksi kelas sosial	21
2.3 Teori pembelajaran sosial Bandura	23
2.4 Teori perkembangan kognitif Jean Piaget	25
2.5 Teori perubahan sikap	26
2.6 Cadangan untuk membolehkan perubahan sikap berlaku	27
2.7 Pendidikan sekolah rendah di Malaysia	36
2.8 Sejarah sekolah-sekolah Melayu di bahagian Pahang Barat dan hubungannya dengan SSE rendah di pedalaman Daerah Lipis	40
2.9 Rumusan	44



## BAB 3 METODOLOGI

3.1 Pengenalan	47
3.2 Reka bentuk kajian	48
3.3 Peserta kajian	51
3.4 Instrumen dan protokol kajian	56
3.4.1 Protokol pemerhatian	56
3.4.2 Protokol temu bual	57
3.4.3 Peranan penyelidik	57
3.4.4 Kesahan dan kebolehpercayaan	58
3.4.5 Pentadbiran protokol dan pengumpulan data	60
3.4.6 Etika kajian	64





3.5	Prosedur menjalankan kajian	65
3.6	Prosedur pengumpulan data	68
3.6.1	Prosedur pemerhatian	68
3.6.2	Prosedur temu bual	71
3.6.3	Analisis dokumen	73
3.7	Prosedur analisis data	75
3.8	Kajian rintis	81
3.9	Rumusan	81

#### BAB 4 ANALISIS DAN DAPATAN

4.1	Pengenalan	84
4.2	Analisis profil latar kajian	85
4.3	Analisis peserta kajian	87
4.4	Analisis jenis dokumen	87
4.5	Bagaimanakah sikap terhadap pelajaran murid-murid SSE rendah yang dapat diteroka dengan cara mengenal pasti tingkah laku murid-murid SSE rendah semasa proses pengajaran dan pembelajaran?	93
4.6	Bagaimanakah sikap terhadap pelajaran murid-murid SSE rendah yang dapat diteroka dengan cara mengenal pasti jangkaan murid-murid SSE rendah terhadap proses pengajaran dan pembelajaran?	96
4.7	Bagaimanakah sikap terhadap pelajaran murid-murid SSE rendah yang dapat diteroka dengan cara mengenal pasti jangkaan ibu bapa murid-murid SSE rendah terhadap pendidikan murid-murid SSE rendah?	98
4.8	Bagaimanakah sikap terhadap pelajaran murid-murid SSE rendah yang dapat diteroka dengan cara mengenal pasti jangkaan guru-guru terhadap pembelajaran murid-murid SSE rendah?	101
4.9	Rumusan	104



**BAB 5 PERBINCANGAN**

5.1	Pengenalan	107
5.2	Tingkah laku murid-murid SSE rendah semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran (soalan kajian 1.5.1)	109
5.3	Jangkaan murid-murid SSE rendah terhadap proses pengajaran dan pembelajaran (soalan kajian 1.5.2)	112
5.4	Jangkaan ibu bapa murid-murid SSE rendah terhadap pendidikan murid-murid SSE rendah (soalan kajian 1.5.3)	114
5.5	Jangkaan guru-guru terhadap pembelajaran murid-murid SSE rendah (soalan kajian 1.5.4)	115
5.6	Masalah sikap terhadap pelajaran dan pendekatan yang diambil guru dalam menangani masalah tersebut	117
5.7	Cadangan untuk masa hadapan	124
5.8	Kesimpulan	128
5.9	Rumusan	130
		132
	RUJUKAN	132
	LAMPIRAN	139





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
X

## **SENARAI JADUAL**

Jadual	muka surat
3.1    Pentadbiran protokol dan pengumpulan data	62
4.1    Analisis peserta kajian sebenar	89
4.2    Analisis peserta kajian sebenar berdasarkan jantina	89
4.3    Analisis murid-murid SSE rendah yang terlibat dalam kajian sebenar	90
4.4    Analisis jenis dokumen kajian sebenar	91



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
**SENARAI RAJAH** Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Rajah	muka surat
3.1    Prosedur menjalankan kajian	67
3.2    Strategi induksi analitik	80
4.1    Kaedah analisis matriks	92



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
xi

## LAMBANG DAN SINGKATAN

>	lebih daripada
<	kurang daripada
&	dan
%	peratus
+	tambah
=	sama dengan
+/-	lebih kurang

EPU	<i>Economic Planning Unit</i>
hlm	halaman
ICU	<i>Unit Penyelarasan Perlaksanaan</i>
JPN	Jabatan Pelajaran Negeri
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
KWAM	Kumpulan Wang Amanah Murid
KWAPM	Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin
ms	muka surat
N	Bilangan sampel atau partisipan
PGK	Pendapatan Garis Kemiskinan
PPD	Pejabat Pelajaran Daerah
PPRT	Program Pembangunan Rakyat Termiskin
RMT	Rancangan Makanan Tambahan
SBK	Sekolah Bantuan Kerajaan
SEK	Sekolah
SES	<i>Socioeconomic Status</i>
SK	Sekolah Kebangsaan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Unit Penyelarasan Perlaksanaan

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi  
xii

SKAG	Sekolah Kebangsaan Aur Gading
SKM	Sekolah Kurang Murid
SKSTD	Sekolah Kebangsaan Sungai Tiang Darat
SPBT	Skim Pinjaman Buku Teks
SSE	Status Sosioekonomi
UPSR	Ujian Pencapaian Sekolah Rendah



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan



Pendidikan sekolah rendah dalam abad ke-21 ini masih tidak sunyi dengan permasalahan dan persoalan mengenai hubungan antara faktor status sosioekonomi dengan sikap murid sekolah rendah pedalaman terhadap pelajaran mereka. Status sosioekonomi atau status sosial ekonomi diringkaskan dan disebut sebagai SSE di dalam kajian ini. Hubungan antara SSE dengan sikap murid bukan sahaja suatu hubungan yang masih akrab di kawasan pedalaman yang merupakan kawasan luar bandar, bahkan masih tepat di kawasan tepi pantai yang sudah maju dan di bandar-bandar besar (Jalani Ludin, 1994; Marjoribanks, 2002; Paterson & Lannelli, 2007).

Walaupun Malaysia sudah mencapai tahap kemajuan yang boleh dibanggakan dan kerap mendapat pujian daripada pemimpin negara lain, masih ada kelemahan pada negara yang dilihat sempurna ini. Isu status sosioekonomi masyarakat Melayu luar bandar yang masih rendah di kawasan-kawasan pedalaman merupakan peninggalan kerajaan British yang masih kekal sehingga ke hari ini. Isu status sosio ekonomi masih tidak dapat diselesaikan oleh pihak kerajaan negara kita meskipun sudah lebih lima puluh tahun pihak British meninggalkan negara kita kerana kemiskinan merupakan sesuatu yang lumrah dan sudah sebatas di dalam masyarakat Melayu terutama di





kawasan luar bandar di pedalaman (Gan Kee, 1994; Jalani Ludin, 1994; Kamarudin Husin & Siti Hajar Abdul Aziz, 2004; Pejabat Pelajaran Pahang, 1976).

Walaupun Malaysia dikenali dunia sebagai negara yang indah dan membangun, seluruh warganya terpaksa mengakui bahawa negara ini pernah dijajah oleh pelbagai kuasa asing. Penjajahan telah menyebabkan kebanyakan pribumi termasuk kaum Melayu berada di dalam kemiskinan dengan status sosioekonomi yang rendah. Kaum Melayu pada zaman penjajahan British bukan sahaja sukar untuk memperkembangkan aktiviti ekonomi mereka bahkan tiada kuasa untuk membuat keputusan di bumi sendiri. Masyarakat Melayu ketika itu hanya dibenarkan terlibat dalam aktiviti pertanian dan perikanan kecil-kecilan sahaja. Pihak British gagal memberikan pendidikan yang bermutu kepada orang-orang Melayu dan hanya berminat untuk mengaut keuntungan daripada bumi Melayu (Gan Kee, 1994; Jalani Ludin, 1994; Kamarudin Husin & Siti Hajar Abdul Aziz, 2004; Pejabat Pelajaran Pahang, 1976).

Status sosioekonomi merupakan suatu cara pengelasan yang biasa digunakan untuk mengkategorikan sub budaya di dalam masyarakat manusia. Status sosioekonomi merujuk kepada pengelasan manusia di dalam masyarakat berdasarkan status ekonomi, taraf pendidikan, dan jenis pekerjaan mereka (Santrock, 2001; Jalani Ludin, 1994). Menurut Santrock (2001) para penyelidik bidang sains sosial dan pendidikan di Amerika Syarikat memberikan perhatian yang lebih terhadap perbezaan di antara status sosioekonomi rendah dan status sosioekonomi sederhana. Individu yang berstatus sosioekonomi rendah selalunya mempunyai taraf pendidikan yang rendah, kurang kebolehan untuk mempengaruhi institusi-institusi di dalam komuniti termasuk sekolah, dan memiliki sumber aktiviti ekonomi yang sedikit dan terhad.

Pada tahun 2000, terdapat 16% kanak-kanak di Amerika Syarikat hidup di dalam kemiskinan (Children's Defense Fund, 2000; Santrock, 2001). Pada tahun 1998, pendapatan garis kemiskinan bagi sebuah keluarga yang mempunyai ahli seramai empat orang di Amerika Syarikat ialah USD \$16,450 setahun (Santrock, 2001). Nilai pendapatan garis kemiskinan perkapita di Amerika Syarikat ialah USD \$4112.50 setahun atau bersamaan dengan \$342.71 sebulan.





Pendapatan garis kemiskinan juga diguna pakai di Malaysia untuk mengenal pasti golongan miskin tegar, miskin dan golongan tidak miskin. Pendapatan Garis Kemiskinan 2007 atau ringkasnya PGK yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri menerusi EPU atau *Economic Planning Unit* dan diguna pakai oleh ICU atau Unit Penyelaras Perlaksanaan jabatan tersebut untuk Sistem Bank Data Kemiskinan Nasional yang lebih dikenali sebagai sistem e-kasih (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2009).

PGK telah dipakai untuk memilih bakal penerima bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin atau KWAPM mulai 2009. Maklumat lengkap mengenai sistem e-kasih dan Pendapatan Garis Kemiskinan telah dijelaskan dengan terperinci menerusi surat Kementerian Pelajaran Malaysia kepada semua sekolah di Malaysia. Surat KPM itu bertajuk *Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Mengikut Wilayah, 2007 (RM sebulan)*, rujukan surat: KP (BKEW/BT) 1800/S-01(28) bertarikh 22 Jan 2009. Murid-murid SSE rendah ialah murid-murid yang datangnya daripada keluarga yang tergolong dalam kategori miskin dan miskin tegar berdasarkan PGK mengikut wilayah tahun 2007.



Di latar kajian, iaitu di Sekolah Kebangsaan Aur Gading (SKAG), Kuala Lipis, lebih daripada separuh murid-murid sekolah tersebut tergolong di dalam kumpulan miskin dan miskin tegar. Murid-murid daripada kumpulan miskin tegar mendapat pelbagai bantuan daripada pihak kerajaan dan swasta. Bantuan yang dihulurkan ini mudah-mudahan dapat meringankan beban ibu bapa dan seterusnya membantu mencipta kecemerlangan di era meritokrasi ini (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2009; Sekolah Kebangsaan Aur Gading, 2010).

Murid-murid SSE rendah di Malaysia bertuah kerana mendapat perhatian daripada pelbagai pihak terutama sekali pihak kerajaan. Menerusi pendemokrasian pendidikan yang diamalkan di Malaysia, peluang yang sama diberikan kepada semua golongan. Kanak-kanak daripada SSE rendah mendapat pembelaan pihak kerajaan yang sewajarnya. Pada hari ini pelbagai program yang telah dan sedang dijalankan oleh pihak kerajaan termasuklah Rancangan Makanan Tambahan, e-kasih, kumpulan wang amanah pelajar miskin, biasiswa persekutuan, biasiswa negeri, dan skim pinjaman buku teks adalah bertujuan untuk meringankan beban ibu bapa yang berpendapatan rendah. Seterusnya usaha ini diharapkan dapat merapatkan jurang





perbezaan pencapaian di antara murid-murid daripada SSE rendah dengan mereka yang datang daripada SSE tinggi (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2009).

## 1.2 Latar belakang kajian

Sikap mencerminkan peribadi dan personaliti. Melalui sikap, personaliti boleh dibentuk. Sikap merujuk kepada penilaian umum yang kekal, dibuat oleh individu terhadap dirinya, individu lain, objek atau isu. Sikap cenderung untuk tegar sepanjang masa. Sikap bersifat abstrak. Sikap ialah representasi mental yang tidak berubah dengan dunia sosial atau fizikal. Sikap diperoleh daripada pengalaman dan amat mempengaruhi tingkah laku seseorang (Azizi Yahaya, Yusof Boon, Jamaludin Ramli, Jaafar Sidek Latif, Fawziah Yahaya, & Amir Hamzah Abdul, 2004; Merton & Nisbet, 1976; Santrock, 2001).

Sikap terbahagi kepada tiga komponen utama, iaitu kognitif, afektif dan tingkah laku. Komponen kognitif merujuk kepada pemikiran, kepercayaan, idea, fakta dan pengetahuan terhadap sesuatu. Komponen afektif melibatkan keadaan emosi yang positif atau negatif terhadap sesuatu. Komponen afektif merangkumi unsur hormat-menghormati, menyukai dan simpati yang merupakan perasaan emosi yang positif. Manakala perasaan negatif pula melibatkan penghinaan, takut dan reaksi yang berubah-ubah. Komponen tingkah laku pula memperihalkan kepada niat untuk bertindak mengikut cara yang tertentu agar tingkah laku selari dengan sikap. Sikap adalah suatu himpunan perasaan, suka atau tidak suka, niat, pemikiran dan idea (Azizi Yahaya, et al., 2004).

Banyak faktor yang boleh disenaraikan sebagai penentu pencapaian seseorang murid sekolah rendah dalam pelajaran seperti taraf pendidikan ibu bapa, faktor geografi dan pedalaman, corak asuhan, kelas sosial, dan SSE. Faktor-faktor tersebut juga mempunyai hubungan yang signifikan dengan sikap murid sekolah rendah terhadap pelajaran (Gan Kee, 1994; Jalani Ludin, 1994). Walaupun begitu, kajian ini hanya memberikan fokus kepada hubungan antara SSE masyarakat pedalaman yang rendah dengan sikap murid sekolah rendah pedalaman terhadap pelajaran.





Sikap terhadap pelajaran ialah kelakuan, tanggapan dan pemikiran, minat yang mendalam, kepercayaan peribadi, dan kesungguhan terhadap pelajaran yang diajar guru di sekolah rendah. Sikap dapat difahami dengan cara memerhati subjek kajian atau dengan cara menemu bual partisipan temu bual iaitu murid-murid sekolah rendah pedalaman. Sikap yang memuaskan terhadap pelajaran ialah sikap yang boleh diterima golongan pendidik. Sikap tersebut termasuklah kelakuan sopan, berbudi pekerti, berdisiplin, menunjukkan kesungguhan terhadap pelajaran dengan membuat kerja-kerja rumah yang diberikan guru, membawa buku ke sekolah, mempunyai minat yang mendalam terhadap pelajaran, dan menganggap pendidikan sangat penting melebihi perkara-perkara lain. Sikap yang tidak memuaskan ialah sikap yang bertentangan dengan apa yang telah disebutkan. Sikap yang tidak memuaskan juga bermaksud sikap yang bermasalah dan pelakunya dikatakan bermasalah sikap (Azizi Yahaya, et al., 2004; Kamarudin Husin, 1996; Rusnah Yaakub, 1994; Suppiah Nachiappan, Ramlah Jantan, & Abdul Aziz Abdul Shukor, 2007).

Dari segi sikap murid sekolah rendah pedalaman pula, sikap murid-murid sekolah rendah pedalaman dikatakan lebih baik berbanding dengan zaman dahulu. Murid-murid dalam abad ke-21 sudah terdedah dengan media massa yang banyak melaporkan tentang kejayaan murid-murid Melayu dalam peperiksaan. Warga pedalaman juga ada yang telah berjaya ke institut pengajian tinggi awam dan berjaya menjawat jawatan pegawai di jabatan-jabatan kerajaan setelah menamatkan pengajian mereka. Kejayaan warga pedalaman dalam bidang pendidikan menjadi suatu pendorong kepada murid-murid sekolah rendah di kawasan pedalaman untuk mengikuti jejak langkah warga pedalaman yang berjaya itu sehingga ke sekolah menengah dan seterusnya ke menara gading (Sekolah Kebangsaan Aur Gading, 2010; Siti Masayu Rosliah Abdul Rashid, 2008).

Walaupun begitu, kemaraan warga pedalaman mengisi tempat di universiti tempatan masih dihalang oleh beberapa faktor. Faktor geografi dengan keciciran, faktor taraf pendidikan ibu bapa dengan pencapaian akademik, faktor SSE dengan sikap dan pencapaian akademik, faktor kelas sosial dengan penguasaan linguistik dan faktor guru dengan mutu pengajaran. Faktor-faktor yang telah disebutkan itu, mempunyai hubungan dengan sikap murid-murid sekolah rendah terhadap pelajaran. Murid-murid pedalaman daripada SSE rendah yang mana pendapatan keluarga di





bawah RM 740 sebulan masih menunjukkan sikap yang tidak memuaskan terhadap pelajaran mereka. Mereka mudah mengalah, mengambil jalan mudah dengan menjauhkan diri mereka daripada guru-guru, dan tidak melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah (Dhanapal Rengasamy, 2007; Gan Kee, 1994; Jalani Ludin, 1994).

### 1.3 Masalah kajian

Kawasan pedalaman ialah suatu kawasan yang terletak jauh daripada ibu negeri, berbukit bukau, masih dikelilingi hutan rimba, dan terasing daripada penempatan manusia yang lain (Atan Long, 1979; Gan Kee, 1994). Disebabkan kedudukannya yang terpencil, status sosioekonomi juga rendah. Status sosioekonomi yang rendah ini mempunyai hubungan yang selanjar dengan sikap murid terhadap pelajaran mereka. Sikap murid terhadap pelajaran pula mempunyai hubungan yang selanjar dengan pencapaian akademik. Marjoribanks (2002), Paterson dan Lannelli (2007), dan Demie, Butler dan Taplin (2002) berpendapat bahawa pencapaian akademik, taraf pendidikan dan cita-cita mempunyai hubungan yang signifikan dengan kelas sosial yang boleh disamakan dengan status sosioekonomi di dalam kajian ini.

Murid-murid SSE rendah mempunyai ego yang rendah, tiada semangat untuk belajar, dan tidak menunjukkan minat terhadap pelajaran. Walaupun sikap terhadap guru-guru, komputer, sekolah, ibu bapa dan alam sekitar adalah memuaskan, tanpa sikap yang memuaskan terhadap pelajaran, murid-murid SSE rendah di sekolah rendah pedalaman akan terus dibelenggu dengan masalah keciciran dan kegagalan dalam pelajaran mereka (Asmawati Desa, 2009; Gan Kee, 1994; Jalani Ludin, 1994). Murid-murid di bandar yang datangnya daripada status sosioekonomi yang lebih tinggi mempunyai sikap yang patut dipuji terhadap pelajaran. Mereka bangga jika mereka dapat berjaya di dalam peperiksaan dan menjadi golongan terpelajar. Murid-murid sekolah rendah daripada kumpulan SSE tinggi dan SSE sederhana rajin belajar untuk mencapai cita-cita mereka. Fenomena inilah yang diperkatakan berlaku kepada murid-murid daripada SSE tinggi dan sederhana di bandar-bandar yang menunjukkan





sikap murid-murid yang bukan SSE rendah sangat baik dan terpuji terhadap pelajaran (Gan Kee, 1994; Zaberi Abdul Hamid, 2010).

Murid-murid yang menunjukkan sikap yang baik dan memuaskan terhadap pelajaran mereka akan berjaya di dalam pelajaran mereka. Mereka yang bersikap baik ini menunjukkan minat terhadap pelajaran, berdisiplin, menghormati guru, tidak merokok, datang awal ke sekolah, menyiapkan kerja rumah yang diberikan guru, dan tidak ponteng sekolah. Sekiranya mereka masih tidak mencapai prestasi yang baik di dalam pelajaran, sekurang-kurangnya mereka bakal menjadi warga Malaysia yang berguna dan berjasa apabila dewasa kelak berkat sikap baik yang diamalkan itu (Asmawati Desa, 2009). Soalannya, adakah murid-murid daripada SSE rendah di kawasan pedalaman juga mempunyai sikap yang baik terhadap pelajaran mereka?

Kajian-kajian mengenai faktor SSE dan hubungannya dengan bidang akademik kerap dijalankan oleh pengkaji-pengkaji barat. Kajian-kajian seperti kajian Marjoribanks (2002), Paterson dan Lannelli (2007), dan Demie, Butler dan Taplin (2002) merupakan antara contoh-contoh kajian yang dijalankan dalam abad ke-21. Di Malaysia, kajian seperti kajian Isahak Haron (1983), Jalani Ludin (1994) dan Gan Kee (1994) memberi tumpuan kepada hubungan antara SSE dengan pencapaian akademik. Kebanyakan pengkaji memberi tumpuan kepada aspek pencapaian akademik dan tidak berminat untuk mengkaji hubungan antara SSE dengan sikap murid-murid terhadap pelajaran. Kebanyakan kajian yang terdapat di Malaysia dijalankan di kawasan bandar dan luar bandar yang tidak terpencil. Tiada kajian yang dijalankan di kawasan pedalaman yang terpencil dan jauh daripada bandar daerah. Berdasarkan masalah kajian yang telah dinyatakan, pengkaji berasa perlu untuk mengkaji sikap terhadap pelajaran dalam kalangan murid-murid SSE rendah di sekolah rendah pedalaman kerana di dalam penyelidikan sains sosial dan pendidikan, rasionalnya bukanlah untuk mencari unsur baru atau untuk menghasilkan penemuan baru seperti di dalam kajian sains semulajadi. Penyelidikan pendidikan dan sains sosial lebih kepada memperkuuhkan kesedaran dan meningkatkan pemahaman tentang sesuatu isu atau fenomena.





## 1.4 Tujuan kajian

Kajian ini secara umumnya dirancang untuk meneroka dan memahami sikap terhadap pelajaran dalam kalangan murid-murid SSE rendah di sekolah rendah pedalaman. Kajian ini secara khususnya dirancang untuk mencapai objektif-objektif yang telah dirangka. Objektif-objektif yang telah dirangka adalah seperti berikut:

1. Meneroka sikap terhadap pelajaran murid-murid SSE rendah dengan cara mengenal pasti tingkah laku murid-murid SSE rendah semasa proses pengajaran dan pembelajaran.
2. Meneroka sikap terhadap pelajaran murid-murid SSE rendah dengan cara mengenal pasti jangkaan murid-murid SSE rendah terhadap proses pengajaran dan pembelajaran.
3. Meneroka sikap terhadap pelajaran murid-murid SSE rendah dengan cara mengenal pasti jangkaan ibu bapa murid-murid SSE rendah terhadap pendidikan murid-murid SSE rendah.
4. Meneroka sikap terhadap pelajaran murid-murid SSE rendah dengan cara mengenal pasti jangkaan guru-guru terhadap pembelajaran murid-murid SSE rendah.



Definisi tentatif (bukan definisi operasi) bagi murid-murid SSE rendah di sini ialah murid-murid yang datangnya daripada keluarga miskin dengan pendapatan isi rumah di bawah RM 740 sebulan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2009). Definisi tentatif bagi sikap bermasalah di dalam kajian ini ialah sikap yang tidak dapat diterima sebagai ‘baik’ oleh guru-guru yang mengajar seperti tidak membawa buku, bercakap semasa guru mengajar, ponteng dan tidak menyiapkan kerja yang disuruh (Children’s Defense Fund, 1992; Hart & Risley, 1995; Rusnah Yaakub, 1994; Santrock, 2001; Sekolah Kebangsaan Aur Gading, 2010).





## 1.5 Soalan kajian

Soalan kajian dibina berdasarkan lima objektif kajian yang telah disenaraikan. Terdapat lima soalan kajian yang dibina berdasarkan lima objektif kajian tersebut. Soalan-soalan kajian tersebut adalah:

- 1.5.1 Bagaimanakah sikap terhadap pelajaran murid-murid SSE rendah yang dapat diteroka dengan cara mengenal pasti tingkah laku murid-murid SSE rendah semasa proses pengajaran dan pembelajaran?
- 1.5.2 Bagaimanakah sikap terhadap pelajaran murid-murid SSE rendah yang dapat diteroka dengan cara mengenal pasti jangkaan murid-murid SSE rendah terhadap proses pengajaran dan pembelajaran?
- 1.5.3 Bagaimanakah sikap terhadap pelajaran murid-murid SSE rendah yang dapat diteroka dengan cara mengenal pasti jangkaan ibu bapa murid-murid SSE rendah terhadap pendidikan murid-murid SSE rendah?
- 1.5.4 Bagaimanakah sikap terhadap pelajaran murid-murid SSE rendah yang dapat diteroka dengan cara mengenal pasti jangkaan guru-guru terhadap pembelajaran murid-murid SSE rendah?





## 1.6 Kepentingan kajian

Kajian ini perlu dijalankan untuk meneroka dan memahami sikap terhadap pelajaran murid-murid SSE rendah di sekolah rendah pedalaman. Kajian ini perlu kerana kebanyakan penyelidik lebih gemar mengkaji perhubungan di antara SSE dengan pencapaian murid di dalam pelajaran dan bukannya sikap murid-murid terhadap pelajaran. Kajian ini penting untuk menambahkan lagi koleksi penyelidikan tentang SSE. Walaupun telah banyak kajian telah dijalankan, ini tidak bermakna SSE tidak boleh dibuat kajian lagi kerana di dalam penyelidikan sains sosial dan pendidikan, rasionalnya bukanlah untuk mencari unsur baru atau untuk menghasilkan penemuan baru seperti di dalam kajian sains semulajadi, tetapi lebih kepada memperkuuhkan kesedaran dan meningkatkan pemahaman tentang sesuatu isu atau fenomena.

Kepentingan kajian juga disebut sebagai signifikan kajian. Signifikan kajian berkaitan dengan sumbangan yang boleh diberikan oleh kajian kepada pihak yang terlibat dan berminat terhadap kajian ini. Pihak-pihak yang terlibat dan berminat terhadap kajian ini ialah Kementerian Pelajaran Malaysia, pihak sekolah, dan murid sekolah rendah pedalaman yang terlibat. Secara umumnya, kajian ini dapat memberikan sumbangan kepada semua pihak yang berminat dengan definisi baru SSE, masalah sikap murid-murid SSE rendah, sebab-sebab berlakunya masalah sikap itu dan perbezaan di antara SSE tinggi dengan rendah dari segi sikap terhadap pelajaran.

Kajian ini paling banyak melibatkan para guru mata pelajaran dan pihak sekolah. Guru-guru ditemui bual dan mereka juga diminta membantu pengkaji mengenali murid-murid mereka yang masih kecil dan berasal daripada keluarga dengan pendapatan kurang daripada RM 740. Dengan berbuat demikian, para guru dapat berkenalan dengan pengkaji dan turut sama melibatkan diri di dalam kajian ini. Menerusi kajian ini, para guru berpeluang untuk mengenali murid-murid mereka dengan lebih dekat lagi, terutama mereka yang datangnya daripada status sosio ekonomi yang rendah. Dapatkan kajian yang bakal diperolehi menerusi pemerhatian di dalam bilik darjah akan dikongsi juga dengan guru yang terlibat. Soalan-soalan temu bual juga bakal memandu para guru menggunakan minda mereka untuk memberi jawapan yang munasabah mengenai murid-murid mereka. Pihak sekolah rendah pedalaman dapat menilai semula keberkesanan program-program yang diaturkan





untuk SSE rendah. Pihak sekolah juga dapat membiasakan para guru untuk menerima tetamu yang tidak dijangka dan menyediakan segala bentuk keperluan dan fail untuk dilihat.

Murid-murid sekolah rendah pedalaman yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan kajian ini, mendapat peluang mengenali diri mereka sendiri, membaiki sikap mereka dan seterusnya menjadi murid-murid yang sanggup bekerja keras untuk mencapai cita-cita mereka. Mereka akan berpeluang melakukan ‘bedah siasat’ terhadap sikap mereka menerusi temu bual yang dijalankan. Murid-murid akan diberikan kesedaran bahawa adalah menjadi tanggungjawab mereka untuk mengubah nasib mereka dan keluarga mereka menerusi pendidikan yang berkualiti yang ditawarkan oleh pihak kerajaan. Berbekalkan ilmu yang diperolehi daripada sekolah rendah hingga ke peringkat sekolah menengah, mereka boleh melanjutkan pelajaran ke menara gading atau diterima bekerja di dalam mana-mana industri yang terdapat di Malaysia. Pendapatan yang bakal diperolehi nanti dapat membantu mereka dan keluarga mereka.



Menerusi kajian ini, pihak KPM akan dapat membuat penilaian mengenai prestasi pendidikan di luar bandar terutamanya di kawasan pedalaman negeri Pahang Darul Makmur. Pihak KPM juga mendapat maklumat berharga mengenai sikap murid sekolah rendah pedalaman terhadap pelajaran yang berpunca daripada SSE rendah dan seterusnya membuat definisi baru bagi SSE rendah berdasarkan kedudukan ekonomi dunia pada abad ke-21 ini.





## 1.7 Limitasi kajian

Kajian ini adalah mengenai sikap terhadap pelajaran murid-murid SSE rendah di sekolah rendah pedalaman sahaja. Kajian tidak menyentuh secara terperinci mengenai faktor pedalaman, geografi, taraf pendidikan ibu bapa, dan pencapaian murid. Kajian ini terhad kepada lima persoalan kajian utama yang telah disenaraikan iaitu perlakuan murid-murid SSE rendah semasa proses pengajaran dan pembelajaran, jangkaan murid-murid SSE rendah terhadap proses pengajaran dan pembelajaran, jangkaan ibu bapa terhadap pendidikan anak-anak mereka, jangkaan guru-guru terhadap pembelajaran murid-murid SSE rendah dan akhir sekali tindak balas murid-murid SSE rendah terhadap proses dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Kajian ini juga dijalankan di dalam waktu penyelidikan selama dua tahun bagi membolehkan pengkaji mengenal dan menilai setiap kes, fenomena sikap akibat kegawatan ekonomi, dan bentuk demografi dan etnografi yang sudah sedia wujud. Hipotesis, andaian dan *bias* yang terbentuk kemudiannya adalah untuk menjawab soalan kajian semata-mata. Segala dapatan yang diperolehi daripada kajian terhad kepada tempoh masa dua tahun itu. Dapatan hanya boleh menggambarkan sesuatu fenomena, kes, dan peristiwa untuk tempoh masa penyelidikan dan waktu sebelum penyelidikan dijalankan. Kajian ini tidak menggambarkan apa yang berlaku pada masa hadapan dengan tepat, tetapi mempunyai kebarangkalian yang besar bahawa dapatan kajianya adalah sama dengan dapatan kajian pengkaji-pengkaji lain di kawasan pedalaman pada masa hadapan.

Subjek kajian dan informan terdiri daripada ibu bapa, guru-guru dan murid-murid daripada kawasan pedalaman. Kajian ini hanya berdasarkan pengalaman mereka dan pengalaman pengkaji yang membuat pemerhatian. Dapatan kajian tidak dapat menggambarkan dengan tepat fenomena yang berlaku pada sekumpulan manusia yang lain di kawasan pedalaman negeri lain, kaum lain, dan langsung tidak mencerminkan fenomena yang berlaku di bandar-bandar besar.

Kajian ini terhad kepada dapatan kajian di sekolah luar bandar di kawasan pedalaman terpencil dan jauh daripada penempatan utama manusia. Sekolah yang terpilih itu ialah sekolah rendah yang mana kebanyakan muridnya datang daripada SSE rendah. Dapatan kajian terbatas kepada sekolah yang terpilih sahaja yang





mempunyai ciri-ciri yang disebutkan. Kajian ini tidak dapat menggambarkan secara keseluruhan fenomena yang berlaku di Malaysia tetapi mempunyai kebarangkalian yang besar untuk mencapai maksud itu.

Dokumen yang diperolehi adalah daripada lokasi kajian dan mungkin berbeza dengan sekolah-sekolah lain. Oleh itu, kajian ini tidak menggambarkan fenomena dan kes-kes yang berekod di kawasan lain di dalam negara ini. Walaupun begitu, disebabkan semua sekolah rendah pedalaman adalah sekolah kebangsaan yang dimiliki kerajaan, maka kebarangkalian dapatan kajian ini serupa dengan dapatan kajian pengkaji lain adalah besar.

## 1.8 Definisi operasi

Terdapat tiga perkara utama yang perlu didefinisikan untuk kajian ini iaitu murid-murid SSE rendah, sekolah rendah pedalaman dan sikap terhadap pelajaran. Sekolah rendah pedalaman di sini ialah Sekolah Kebangsaan Aur Gading yang terletak di daerah Lipis, Pahang Darul Makmur dan murid-murid SSE rendah di dalam kajian ini ialah murid-murid SSE rendah di sekolah tersebut. Sikap terhadap pelajaran pula dikaji dengan cara mengenal pasti perlakuan, jangkaan dan tindak balas murid terhadap pengajaran dan pembelajaran.

### 1.8.1 Murid-murid SSE rendah

Murid-murid SSE rendah ialah kanak-kanak yang mendaftarkan diri sebagai penuntut ilmu atau pelajar di sekolah rendah, berusia di dalam lingkungan enam tahun hingga dua belas tahun, dan datang daripada keluarga yang berpendapatan isi rumah di bawah RM740 (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2009; Abu Bakar Nordin & Ikhsan Othman, 2003; Kamarudin Husin, 1996). Murid-murid SSE rendah di dalam kajian ini ialah murid-murid yang datang daripada keluarga yang berstatus sosio ekonomi rendah dan merupakan murid sekolah rendah di pedalaman daerah Lipis. Sekolah





yang dimaksudkan ialah Sekolah Kebangsaan Aur Gading yang terletak di Kampung Aur Gading, Kuala Lipis, Pahang.

### 1.8.2 Sekolah rendah pedalaman

Masyarakat yang bertamadun mewujudkan sekolah untuk memberi peluang kepada generasi muda untuk menguasai pengetahuan yang dipilih dan difikirkan oleh masyarakat sebagai penting bagi melanjutkan perkembangan masyarakat itu. Oleh sebab itu, sekolah sebagai satu institusi masyarakat adalah bertujuan untuk menggalak dan memperkembangkan perubahan tingkah laku kanak-kanak mengikut arah yang dikehendaki oleh masyarakat. Sekolah memberikan peluang kepada generasi muda di dalam jangka masa pendek untuk mempelajari pelbagai perkara (Abu Bakar Nordin & Ikhsan Othman, 2003; Kamarudin Husin, 1996).

Menurut Abu Bakar Nordin dan Ikhsan Othman (2003), matlamat pendidikan sekolah rendah adalah untuk memastikan perkembangan potensi kanak-kanak berlangsung secara bersepadu, menyeluruh dan seimbang. Aspek-aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani, diperkembangkan ke arah melahirkan insan yang seimbang, harmonis dan berakhhlak mulia selaras dengan pertumbuhan fizikalnya. Pendidikan di sekolah rendah di Malaysia bermula ketika kanak-kanak dalam lingkungan umur enam tahun lebih iaitu setelah kanak-kanak mendapat pendidikan di peringkat prasekolah. Tempoh pendidikan rendah berlanjutan hingga kanak-kanak mencapai lingkungan umur sebelas tahun lebih sebelum mereka ke sekolah menengah.

Kawasan pedalaman pula ialah suatu kawasan yang letaknya jauh daripada pantai dan berkeadaan mundur dari segi pembangunan. Kebanyakan ibu negeri letaknya di tepi pantai contohnya Kuantan, Pahang yang terletak di tepi pantai Laut China Selatan. Disebabkan itu, kawasan pedalaman boleh juga ditakrifkan sebagai kawasan yang jauh dari bandar utama, terletak berhampiran hutan dan tiada jalan perhubungan yang baik serta berkeadaan mundur dan ketinggalan berbanding kawasan kampung yang berdekatan dengan bandar (Atan Long, 1979; Gan Kee, 1994).





Istilah pedalaman hari ini jarang digunakan kerana pihak kerajaan dan media lebih gemar menggunakan istilah luar bandar. Kawasan luar bandar ialah semua kawasan yang letaknya di luar bandar utama sesebuah daerah, dan aktiviti ekonomi utamanya ialah pertanian dan perikanan. Rumah-rumah di luar bandar juga didirikan tanpa perancangan, dilihat berselerak, bertaburan dan jarak antara satu rumah dengan satu rumah yang lain juga jauh.

Masyarakat luar bandar kebanyakannya dalam keadaan miskin, mengamalkan cara kehidupan yang kuat hubungannya dengan tradisi atau kebiasaan yang diwarisi turun-temurun. Walau begitu suasana di luar bandar adalah tenang, kurang bergolak dan semuanya berjalan dengan tidak terburu-buru. Kemudahan kehidupan dan pelajaran masih jauh tertinggal jika dibandingkan dengan keadaan bandar (Atan Long, 1979; Gan Kee, 1994).

Dalam kajian ini, sekolah rendah pedalaman didefinisikan sebagai sebuah institusi pendidikan rendah khusus untuk mendidik dan memberi pelajaran kepada kanak-kanak di kawasan pedalaman yang berusia enam tahun lebih hingga dua belas tahun. Sekolah rendah pedalaman dibina oleh pihak kerajaan dan guru-gurunya adalah kakitangan kerajaan bertaraf pegawai profesional. Sekolah rendah pedalaman di dalam kajian ini ialah sekolah rendah pedalaman di daerah Lipis, Pahang.

### 1.8.3 Sikap terhadap pelajaran

Sikap terbahagi kepada tiga komponen utama iaitu kognitif, afektif dan tingkah laku. Komponen kognitif merujuk kepada pemikiran, kepercayaan, idea, fakta dan pengetahuan terhadap sesuatu. Komponen afektif melibatkan keadaan emosi yang positif atau negatif terhadap sesuatu. Komponen afektif merangkumi unsur hormat-menghormati, menyukai dan simpati yang merupakan perasaan emosi yang positif. Manakala perasaan negatif pula melibatkan penghinaan, takut dan reaksi yang berubah-ubah. Komponen tingkah laku pula memperihalkan kepada niat untuk bertindak mengikut cara yang tertentu agar tingkah laku selari dengan sikap. Sikap





adalah suatu himpunan perasaan, suka atau tidak suka, niat, pemikiran dan idea (Azizi Yahaya, et al., 2004).

Sikap terhadap pelajaran di dalam kajian ini ialah tingkah laku murid-murid SSE rendah semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Sikap dapat difahami dengan cara memerhati subjek kajian atau dengan cara menemu bual partisipan temu bual iaitu murid-murid sekolah rendah pedalaman di Daerah Lipis. Sikap yang memuaskan terhadap pelajaran ialah sikap prososial yang boleh diterima golongan pendidik. Sikap tersebut termasuklah kelakuan sopan, berbudi pekerti, berdisiplin, menunjukkan kesungguhan terhadap pelajaran dengan membuat kerja-kerja rumah yang diberikan guru, membawa buku ke sekolah, mempunyai minat yang mendalam terhadap pelajaran, dan menganggap pendidikan sangat penting melebihi perkara-perkara lain (Children's Defense Fund, 1992; Hart & Risley, 1995; Rusnah Yaakub, 1994; Santrock 2001).

Sikap yang tidak memuaskan ialah sikap yang bertentangan dengan apa yang disebutkan di dalam perenggan sebelum ini. Sikap yang tidak memuaskan juga bermaksud sikap yang bermasalah dan pelakunya dikatakan bermasalah sikap. Murid yang bermasalah sikap akan menunjukkan tingkah laku antisosial yang tidak memuaskan seperti tidak membawa buku, tidak menyiapkan kerja rumah, tidak mahu melibatkan diri di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran, mengganggu guru dan rakan-rakan semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran berjalan, dan tiada minat untuk belajar (Children's Defense Fund, 1992; Hart & Risley, 1995; Rusnah Yaakub, 1994; Santrock 2001).

#### 1.8.4 Tingkah laku semasa proses pengajaran dan pembelajaran

Tingkah laku di dalam kajian ini ialah sikap yang ditunjukkan oleh murid-murid dengan anggota badan seperti perbuatan, kerja, kelakuan, dan amalan. Perlakuan juga termasuklah kata-kata yang diucapkan dengan lidah dan bahasa isyarat tubuh atau *body language*. Di dalam kajian ini perlakuan dikaji dengan cara mengenal pasti dan





memerhati tingkah laku semasa proses pengajaran dan pembelajaran berjalan (Azizi Yahaya, et al., 2004; Hart & Risley, 1995; Rusnah Yaakub, 1994; Santrock, 2001).

Tindak balas terhadap pelajaran juga termasuk dalam aspek tingkah laku yang dikaji. Tindak balas terhadap pelajaran dalam kajian ini ialah reaksi yang dilahirkan menerusi perbuatan, kerja, kelakuan, dan amalan murid-murid SSE rendah terhadap aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Tindak balas ini termasuklah kata-kata yang diucapkan dengan lidah dan bahasa isyarat tubuh atau *body language* terhadap proses pengajaran dan pembelajaran. Di dalam kajian ini tindak balas ialah reaksi murid-murid SSE rendah di sekolah rendah pedalaman yang terpilih sebagai latar kajian terhadap proses dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (Azizi Yahaya, et al., 2004; Hart & Risley, 1995; Rusnah Yaakub, 1994; Santrock, 2001).

### 1.8.5 Jangkaan terhadap proses pengajaran dan pembelajaran



Berdasarkan soalan kajian dan objektif kajian, bukan sahaja jangkaan murid-murid SSE rendah terhadap proses pengajaran dan pembelajaran sahaja diteliti, bahkan jangkaan guru dan ibu bapa terhadap pendidikan murid-murid SSE rendah juga diselidik. Jangkaan di dalam kajian ini ialah pemikiran, kepercayaan, harapan dan pandangan murid-murid SSE rendah terhadap proses dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Jangkaan ibu bapa terhadap pendidikan anak-anak mereka dan jangkaan guru terhadap pembelajaran murid-murid SSE rendah juga diambil kira (Azizi Yahaya, et al., 2004; Hart & Risley, 1995; Rusnah Yaakub, 1994; Santrock, 2001).





## 1.9 Rumusan

Masalah sikap terhadap pelajaran murid-murid SSE rendah di sekolah rendah pedalaman bukanlah suatu perkara yang baru, tambahan pula jika sekolah tersebut terletak di kawasan pedalaman terpencil yang terpisah jauh daripada penempatan manusia yang lain. Tiada kajian lepas yang melibatkan sikap terhadap pelajaran dalam kalangan murid-murid SSE rendah di kawasan pedalaman, jika ada, kajian hanya melibatkan kawasan kampung moden dan bandar sahaja. Kajian-kajian yang dijalankan pula hanya memberi tumpuan kepada aspek pencapaian murid-murid di dalam pelajaran dan peperiksaan. Seperti kajian Isahak Haron (1983) dan Marimuthu (1977) dan penulisan Jalani Ludin (1994), yang hanya menjurus kepada pencapaian akademik. Begitu juga pengkaji barat seperti Marjoribanks (2002), Paterson dan Lannelli (2007), dan Demie, Butler dan Taplin (2002).

Kajian ini penting untuk menambahkan lagi koleksi penyelidikan tentang SSE. Walaupun telah banyak kajian telah dijalankan, ini tidak bermakna SSE tidak boleh dibuat kajian lagi kerana di dalam penyelidikan sains sosial dan pendidikan, rasionalnya bukanlah untuk mencari unsur baru atau untuk menghasilkan penemuan baru seperti di dalam kajian sains semulajadi, tetapi lebih kepada memperkuuhkan kesedaran dan meningkatkan pemahaman tentang sesuatu isu atau fenomena. Kajian ini adalah mengenai sikap terhadap pelajaran murid-murid SSE rendah di sekolah rendah pedalaman yang telah dinyatakan sahaja dan tidak menyentuh secara terperinci mengenai faktor pedalaman, geografi, taraf pendidikan ibu bapa, dan pencapaian murid. Walaupun pencapaian murid mempunyai hubungan dengan sikap, kajian ini tiada ruang untuk mengkaji hubungan antara pencapaian dengan sikap.

Definisi golongan SSE rendah telah dibuat dan ditakrifkan sebagai golongan yang mendapat pendapatan isi rumah di bawah RM 500 sebulan pada tahun 1994 (Jalani Ludin, 1994). Pada tahun 2007, definisi SSE rendah berubah kepada golongan yang mendapat pendapatan isi rumah di bawah RM740 sebulan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2009). Dari segi perwatakan, golongan SSE rendah dalam kajian ini biasanya berkulit tidak cerah, comot, berpakaian kurang kemas dan lusuh. Dari segi kediaman pula, golongan SSE rendah dalam kajian ini hanya menumpang atau menyewa tanah untuk membina rumah mereka. Saiz rumah mereka dalam kajian ini sangat kecil dan diperbuat daripada kayu. Walaupun ada golongan SSE rendah dalam





kajian ini yang memiliki tanah sendiri, kehidupan mereka masih mencerminkan kedaifan dan kekurangan mereka berbanding penduduk-penduduk lain di dalam sesebuah kampung.

Kajian ini terhad kepada dapatan kajian di sekolah luar bandar yang telah dinyatakan. Sekolah tersebut terletak di kawasan pedalaman, terpencil dan jauh daripada penempatan utama manusia. Sekolah yang terpilih itu ialah sebuah sekolah rendah, yang terdapat banyak murid SSE rendah. Dapatan kajian terbatas kepada sekolah yang terpilih itu sahaja, yang mempunyai ciri-ciri yang disebutkan. Kajian ini tidak dapat menggambarkan secara keseluruhan fenomena yang berlaku di Malaysia tetapi mempunyai kebarangkalian yang besar untuk mencapai maksud itu.

